



TOKIO MARINE
INSURANCE GROUP

Fact Sheet

Peralatan Elektronik

Insurans Peralatan Elektronik (EEI) adalah polisi yang direka cipta untuk memberi perlindungan ke atas komputer dan lain-lain peralatan elektronik dan ia diguna pakai sama ada ketika item yang diinsuranskan sedang berfungsi atau direhatkan atau dirungkai untuk tujuan pembersihan, pembaikpulihan atau dalam proses pemindahan di dalam premis, atau sepanjang proses pengendalian yang berkenaan, atau berikutan dari pendirian semula, tetapi dalam mana-mana kes hanya selepas ianya berjaya berfungsi. Polisi ini juga boleh diperluaskan untuk melindungi media data luaran seperti pita dan disk.

Perlindungan

Perlindungan ini adalah penting sebagai polisi insurans “Kemalangan” untuk melindungi kerugian terhadap item diinsuranskan yang berpunca daripada sebab yang mengejut dan tidak diduga. Polisi ini merangkumi kerosakan peralatan secara mekanikal dan elektrik melainkkan kerosakan sedemikian diindemniti di bawah jaminan pengilang atau kontrak penyelenggaraan.

Polisi ini terdiri daripada 3 seksyen seperti berikut:

Seksyen I - Kerosakan Material (MD)

Seksyen ini melindungi kesemua pemasangan kelengkapan termasuk peralatan sampingan dan aksesori terhadap mana-mana kerugian atau kerosakan fizikal terjadi secara mengejut dan tidak diduga atas apa-apa sebab selain daripada yang dikecualikan secara spesifik.

Asas Jumlah Diinsuranskan

Jumlah Diinsuranskan tidak boleh kurang daripada nilai penggantian baru yang penuh bagi setiap item, termasuk kos pengangkutan, duti kastam, dius dan kos pemasangan.

Asas Indemniti

- Jika berlakunya “Kerugian Separa” - untuk mengembalikan item yang rosak kepada kedudukan boleh berkhidmat yang asal, termasuk penggunaan alat ganti baru dan kos merungkai dan mendirikan semula, kos pengangkutan dan duti kastam dengan syarat kos sedemikian telah disediakan untuk dimasukkan di dalam jumlah diinsuranskan (Seksyen I, Memo 1 dalam Polisi EEI). Nilai deduktibel ditolak dari indemniti.
- Jika berlakunya “Kerugian Menyeluruh” - Di bawah Seksyen I, Memo 2 dalam Polisi ini, syarikat insurans akan mengindemniti **nilai sebenar** bagi peralatan diinsuranskan dengan serta merta seperti sebelum berlakunya kerugian atau kerosakan (amaun susut nilai yang berpatutan akan ditolak dari nilai penggantian baru bagi peralatan diinsuranskan) termasuk kos tambahan yang dibenarkan dalam jumlah diinsuranskan. Deduktibel yang dipersetujui akan ditolak.

Seksyen II - Media Data Luaran (EDM)

Seksyen ini memberi perlindungan ke atas media data seperti disk, pita di luar sistem komputer. Perlindungan ini adalah sama seperti Seksyen I dan ia diguna pakai ketika media data diinsuranskan disimpan dalam premis.

Asas Jumlah Diinsuranskan

Jumlah diinsuranskan = Kos perakaman semula teranggar + Kos pengumpulan semula data teranggar + Jumlah Kos Nilai Penggantian Baru

Seksyen III - Peningkatan Kos Bekerja

Seksyen ini menyediakan indemniti ke atas peningkatan kos bekerja berikutan dari kerugian atau kerosakan material. Jika kerosakan material boleh diindemniti di bawah Seksyen I menimbulkan gangguan menyeluruh atau separa terhadap pengendalian peralatan Teknologi Informasi yang diinsuranskan, kos untuk menyewa sebuah komputer bagi mengekalkan pengurusan perniagaan anda akan dibayar di bawah Seksyen ini. Sistem IT pengganti ini seharusnya bukan subjek insurans di bawah polisi ini.

Asas Jumlah Diinsuranskan

Kos-kos tipikal adalah:

- Caj-caj untuk penggunaan peralatan pengganti
- Caj-caj untuk menyewa bilik tambahan
- Caj-caj untuk penggunaan pusat perkhidmatan komputer
- Pengambilan pekerja sementara
- Bayaran lebih masa untuk kakitangan dalaman
- Bayaran tambahan untuk kerja bergilir, kerja pada hari Ahad dan hari cuti
- Perbelanjaan untuk menerapkan prosedur-prosedur lain

Tempoh Indemniti

Tempoh Indemniti adalah tempoh maksimum yang membolehkan premis-premis tersebut dibina semula, dilengkapkan semula dan dikembalikan sepenuhnya kepada keadaan normalnya dari setiap aspek. Tempoh ini biasanya selama 3 hingga 12 bulan - ditentukan oleh anda bergantung kepada tempoh penggantian bagi jentera yang diinsuranskan.

Pengecualian utama:

Anda tidak akan diindemniti berhubung dengan kerugian, kerosakan atau liabiliti langsung atau tidak langsung yang berpunca daripada atau timbul akibat atau disebabkan oleh:

- Perang atau operasi berupa perang, apa jua jenis pergaduhan awam dan juga tindakan dari pihak yang terlibat dalam mogok atau halangan masuk
- Tindakbalas nuklear, pencemaran akibat radiasi nuklear atau radioaktif;
- Tindakan atau kecuaiian yang disengajakan oleh pihak diinsuranskan atau wakil-wakilnya
- Kerosakan atau kecacatan yang menjadi tanggungjawab pihak ketiga (pembekal) sama ada di bawah undang-undang atau kontrak (kerugian dilindungi oleh jaminan)
- Kegagalan atau gangguan perkhidmatan gas, air atau elektrik (pengecualian tertentu akan diambil kira dalam kes khas)
- Kehausan dan kelusuhan
- Kecacatan estetik seperti calar pada permukaan yang dicat, dikilat atau dibarnis
- Semua jenis kerugian dan liabiliti turutan (dengan pengecualian perbelanjaan tambahan untuk pengendalian komputer)

Bayaran Premium

- Premium mesti dibayar kepada pengantara insurans anda atau secara terus kepada pihak kami dalam tempoh 60 hari dari tarikh polisi ini mula berkuatkuasa
- Bayaran boleh dibuat sama ada dengan tunai, kad kredit atau cek (cek hendaklah dibayar atas nama syarikat kami).
- Sila minta resit bagi premium yang dibayar.
- Hubungi pihak kami jika polisi anda tidak diterima selepas satu bulan dari tarikh pembelian.

Kewajipan pendedahan

Anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau harus tahu; jika tidak, polisi ini akan dianggap tidak sah.

Sumbangan

Jika pada masa mana-mana kerugian atau kerosakan terhadap harta berlaku, terdapat mana-mana insurans lain yang masih berkuatkuasa atau insurans kepunyaan anda atau ahli keluarga anda yang memberi perlindungan sama, maka pihak kami tidak bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbang melebihi perkadaran setimpal bagi kerugian atau kerosakan sedemikian.

Lebih / Deduktibel

Merupakan amaun kerugian yang harus ditanggung anda sendiri untuk setiap tuntutan.

APAKAH YANG HARUS ANDA LAKUKAN jika berlakunya kerugian/kerosakan?

Pemberitahuan tuntutan

- Anda harus memberitahu pihak kami secara bertulis mengenai semua butiran tentang kejadian/kemalangan secepat mungkin dalam lingkungan masa yang ditetapkan dalam polisi anda. Anda dikehendaki membuat pemberitahuan seawal mungkin bagi mengelakkan sebarang prasangka terhadap tuntutan anda. Jika terlibat dalam kemalangan yang serius, anda dikehendaki membuat laporan polis dengan serta-merta.

Pengemukakan tuntutan

- Anda harus mengemukakan tuntutan anda dengan melampirkan semua informasi dan dokumen sokongan seperti yang diminta oleh pihak kami dengan secepat mungkin. Jika ajuster/penyiasat dilantik oleh pihak kami, maka anda dikehendaki memberi kerjasama sepenuhnya kepada mereka dalam proses penilaian kami terhadap tuntutan anda.

Kewajiban untuk mendedahkan informasi tuntutan

- Anda dikehendaki memberi jawapan secara jujur dalam Borang Tuntutan kerana sebarang pernyataan salah atau penyembunyian boleh memudaratkan tuntutan anda.

BAGAIMANA MENGEMUKAKAN Aduan Dan Jalan Penyelesaian Yang Ada



Tulis kepada :

1. Pusat Hubungan Bersepadu Bank Negara Malaysia melalui bnmtelelink@bnm.gov.my, atau
2. pengantara insurans Biro Pengantaraan Kewangan.

Sebagai alternatif, anda boleh melawat terus ke kaunter BNMLINK untuk menfailkan aduan anda (sila rujuk kepada www.bnm.gov.my/bnmlink/index.htm) atau anda boleh membawa kes anda ke mahkamah.

Untuk maklumat lanjut mengenai Tokio Marine serta produk dan perkhidmatan kami, sila layari laman web kami www.tokiomarine.com.my

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.